



31 Julai 2014  
31 July 2014  
P.U. (A) 222

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA PENYURAIAN TIMUR (EDL)) (PINDAAN) 2014

### *FEDERAL ROADS (EASTERN DISPERSAL LINK EXPRESSWAY (EDL)) (AMENDMENT) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

**AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959**

**PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA PENYURAIAIN TIMUR (EDL))  
(PINDAAN) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Johor, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL)) (Pindaan) 2014.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2014.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Jalan Persekutuan (Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL)) 2012 [P.U. (A) 91/2012], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dengan menggantikan subperenggan 2(1) dengan subperenggan yang berikut:

“(1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL) yang bermula—

(a) dari kilometer 7.87 di koordinat U168492.927, T640617.968 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM2000) dan berakhir di koordinat U161918.328, T640983.311 Grid RSO Geosentrik (GDM2000) termasuk Persimpangan Bertingkat Pandan, Persimpangan Bertingkat Bakar Batu, Persimpangan Bertingkat CIQ, Pusat Pungutan Tol Masuk dan Keluar dalam Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuaranin (CIQ) yang dikenali sebagai Bangunan Sultan Iskandar, dan jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 8.62 kilometer;

- (b) dari koordinat U162060.992, T641536.480 Grid RSO Geosentrik (GDM2000) di Persimpangan Bertingkat CIQ dan berakhir di koordinat U162096.730, T641326.793 Grid RSO Geosentrik (GDM2000) di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) yang dikenali sebagai Bangunan Sultan Iskandar, iaitu suatu jarak sepanjang 0.3 kilometer; dan
- (c) dari koordinat U162542.628, T641252.460 Grid RSO Geosentrik (GDM2000) di Persimpangan Bertingkat CIQ dan berakhir di koordinat U162096.730, T641326.793 Grid RSO Geosentrik (GDM2000) di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) yang dikenali sebagai Bangunan Sultan Iskandar, iaitu suatu jarak sepanjang 0.4 kilometer,

diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.”.

#### **Penggantian peta**

3. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan peta dalam Jadual dengan peta yang berikut:

## JADUAL

[Subperenggan 2(2)]

## PETA LEBUH RAYA PENYURAIAN TIMUR (EDL)

